MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 68** **11hb Oktober 2024** **No. 41**

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 828)

NATIONAL LAND CODE

(Act 828)

**No. 23783.**

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 287/2019*] yang disiarkan dalam *Warta* Persekutuan pada 28 Mei 2019, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk kuarters kerajaan dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

Dan bahawasanya, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana satu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan sebagai P.U. (B) 286/2024 pada 24 Julai 2024:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mukim—Ampang. No. Pelan—P.A. 1110993. No. Lot—80125. Luas—3.614 hektar.

Bertarikh 25 September 2024
[PTG/WP(S).100-2/17/2/9 Jld 15;
PTGKL/11/BPRZ/2023/20(14)]

TAN SRI DATO' SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
*Pengerusi*
*Jawatankuasa Kerja Tanah*
*Wilayah Persekutuan*

Whereas, by the Reservation of Land for Public Purpose [*P.U. (B) 287/2019*] published in the *Gazette* of the Federation on 28 May 2019, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the Federal land described in the Schedule for a public purpose of a site for government quarters and has designated that the Federal Lands Commissioners shall have control of the reserved land:

And whereas, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the

Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as P.U. (B) 286/2024 on 24 July 2024:

And whereas, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under section 13 [*P.U. (B) 108/2003*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. Mukim—Ampang. Plan No.—P.A. 1110993. Lot No.—80125. Area—3.614 hectares.

Dated 25 September 2024
[PTG/WP(S).100-2/17/2/9 Jld 15;
PTGKL/11/BPRZ/2023/20(14)]

TAN SRI DATO' SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
*Chairman*
*Land Executive Committee*
*Federal Territory*

**No. 23784.**

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 159/2016*] yang disiarkan dalam *Warta* Persekutuan pada 18 April 2016, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk kawasan rekreasi dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

Dan bahawasanya, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]: